

Menyelami budaya, adat resam

► Program anak angkat UMSKAL di Pamilaan, Tenom

UB 1.5.2015 B1

Oleh HENRY BATING

PAMILAAN kami datang, Pamilaan kami pulang.

Kotoluadan, kopisolowot ii wagu (terima kasih, sampai jumpa lagi).

Demikian ungkapan Muhamad Hasri Syafiqi Yusri menggambarkan pengalamannya menyelami budaya dan adat resam



SHARKY mengenang keluarga angkat ketika singgah di puncak Kimanis.

masyarakat di perkampungan terpencil. Hasri atau dalam kalangan rakannya akrab dipanggil sebagai Sharky merupakan pengarah Program Anak Angkat 27 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kampung Pamilaan, Tenom 24-26 April lalu.

Sharky turut memberi penghargaan kepada pasukan pelaksana program itu dengan menyatakan, "sesungguhnya anda telah membuat UMSKAL bangga dengan kamu! Tahniah dan syabas." Beliau

menjelaskan meski program itu hanya dua malam namun objektif yang telah digariskan dalam perancangan tercapai iaitu mendalamasi erti kehidupan bermasyarakat serta mencurahkan minda memberi motivasi kepada warga belia dan anak-anak keluarga angkat di kampung itu.

"Jalinan kekeluargaan antara pelajar dan keluarga angkat perlu diteruskan melalui pelbagai media yang ada sekarang. Banyak sekali kenangan indah yang telah dilalui ketika mengadakan pelbagai aktiviti bersama keluarga angkat," katanya.

Sharky yang berasal dari Langkawi berkata, kalau boleh tambah beberapa hari



SINGGAH di Pekan Sipitang.

lagi untuk tinggal bersama keluarga angkat tapi komitmen untuk berada di Pulau Labuan tidak mengizinkan.

Rombongan pelajar UMSKAL itu melibatkan pelbagai keturunan, agama dan asal negeri di Malaysia. Mengiringi rombongan itu ialah Felo Kolej Kediaman Alpha 3 Henry Bating dan Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Najwa Mohd Khalil.

Program Anak Angkat sebagai aktiviti di kawasan terpencil itu merupakan salah satu program Kolej Kediaman UMSKAL sepanjang 2015 yang dikendalikan di bawah Pengetua Nona Masnie Mohd Nista.

Program itu dilaksanakan

oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) UMSKAL yang melibatkan Kolej Kediaman Alpha, Beta dan Mutiara.

Sharky menyifatkan program itu amat bermakna sebagai langkah mahasiswa ikut serta menghargai dan melestarikan warisan tradisi yang sesungguhnya kian pudar ditelan arus pemodenan.

Rombongan itu bergerak dari kampus Antarabangsa Labuan seawal jam 6 pagi 24 April menuju ke Terminal Feri Antarabangsa Labuan. Dari terminal itu, rombongan menaiki bot laju ke Menumbok di mana sebuah bas UMS kampus utama Kota Kinabalu sedang menunggu.

Perjalanan darat bermula dan singgah di

Pekan Sipitang untuk solat Jumaat dan makan tengah hari. Dari Sipitang, perjalanan diteruskan ke Tenom sehingga sampai ke destinasi, Taman Rekreasi Batu 15.5 Kg Pamilaan kira-kira jam 5 petang.

"Perjalanan agak mencabar dengan merentas Laut China Selatan ke tanah besar Sabah. Dari Menumbok, perjalanan agak tenang namun antara Sipitang dan Tenom perlu merentas jalan berbukit-bukit melewati kawasan Long Pasia. Setelah sampai ke pekan Tenom perjalanan diteruskan lagi ke Kg Pamilaan yang terletak di hujung sempadan menghala ke daerah Keningau," kata Sharky dalam catatan perjalannya.

Kampung Pamilaan

adalah tempat di mana penduduknya adalah rata-rata berketurunan Dusun dan Cina yang memiliki kaitan kekeluargaan di antara satu sama lain walau dalam kalangan mereka berbeza anutan kepercayaan iaitu beragama Islam dan bukan Islam.

Ketibaan rombongan disambut Pengurus Jawatankuasa Pengangur Program Anak Angkat Kg Pamilaan Jamri Haji Mohd Hassim, ketua keluarga angkat Sabli Dorowang dan penduduk.

Hari pertama diisi dengan majlis suaikenal dan penyerahan pelajar kepada keluarga angkat. Rombongan itu dialu-alukan oleh Sabli dengan menyifatkan kesempatan rombongan pelajar tinggal beberapa hari bersama mereka sudah pasti memberikan kesan baik yang tersendiri kepada keluarga angkat yang terpilih, anak-anak sekolah dan belia di kampung itu.

Keesokannya, menjadi hari yang padat dengan aktiviti lawatan ke Taman Pertanian Sabah di Lagud Sebrang, Pusat Kebudayaan Murut dan mengecat objek sebagai kenangan pelaksanaan program. Bagaimanapun, aktiviti yang ketiga itu tidak dapat dijalankan ekoran keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Pada malam hari kedua, diadakan Majlis Malam Kebudayaan di mana semua kumpulan pelajar bersama ahli keluarga angkat membuat persembahan masing-masing yang turut diadili untuk menerima hadiah yang telah disediakan.

Pagi yang tenang pada hari ketiga menjadi suasana yang agak sayu antara rombongan pelajar dan ahli keluarga angkat. Pada majlis bersalam-salaman selepas sarapan, ada di antara mereka tidak mampu menahan sebak sambil berpelukan.

Mengimbau suasana pilu itu, Sharky mencatatkan pihaknya bersyukur dapat bersama-sama rombongan menjadi anak angkat di sebuah perkampungan yang rata-rata keluarganya berketurunan Kadazandusun yang kaya dengan adat resam dan budaya yang unik.



PELAJAR UMSKAL bersama keluarga angkat memberi makan ikan di Sungai Pamilaan.



PELAKSANA keluarga angkat, dari kiri Jamri, Sabli dan Johnny Chin.



ROMBONGAN pelajar bersama keluarga angkat melawat Taman Pertanian Sabah.